

# **EMBARGO**

**TEKS UCAPANINI TIDAK  
DIBENARKANSAMA SEKALI UNTUK  
DIHEBAHKAN KEPADA UMUM  
SEHINGGA IANYA DIBENTANGKAN  
DI DALAM MESYUARAT MAJLIS  
KHAS (BAJET 2016) PADA  
06 OKTOBER 2015  
JAM 9.30 PAGI**



**UCAPAN**

**BAJET**

**TAHUN 2016**



## UCAPAN BAJET 2016

### 1. PENDAHULUAN

Saya mulakan ucapan Bajet Tahun 2016 pada pagi ini dengan menyebut kalimah mulia Bismillahirrahmanirrahim.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

- 1.1 Alhamdulillah saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana telah mengizinkan saya membentangkan Bajet Majlis Bandaraya Petaling Jaya bagi tahun 2016 pada hari ini.
- 1.2 Bajet 2016 telah dibincangkan secara terperinci di peringkat jabatan pada bulan Ogos 2015. Selaras dengan program Local Agenda 21 Petaling Jaya, bajet 2016 yang disediakan juga telah mengambil kira input daripada penduduk yang diterima secara *online* melalui laman web *Facebook Bajet 2016* dan cadangan-cadangan yang dikemukakan melalui bengkel yang telah diadakan pada 14 September 2015 bersama Persatuan Penduduk, Persatuan Rukun Tetangga, NGO, Persatuan Peniaga-Peniaga dan pihak swasta. Cadangan Bajet 2016 juga telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Cadangan Bajet 2016

---

Majlis Bandaraya Petaling Jaya,  
Pembangunan Lestari

bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di Petaling Jaya pada 17 September 2015 dan bersama Ahli Majlis di dalam Mesyuarat *Pre Council* Penuh (Cadangan Bajet 2016) pada 18 September 2015. Seterusnya, pada 21 September 2015, ia telah dibincangkan secara terperinci di dalam Mesyuarat Khas Kewangan Bajet 2016. Justeru itu Bajet 2016 ini telah disediakan dengan begitu teliti dan telah mengambilkira semua pandangan dan saranan daripada semua pihak. Di samping itu Majlis juga melihat, menilai dan mengambilkira kemampuan dan keupayaan Majlis di dalam melaksanakan projek-projek baru yang dirancang agar pelaksanaan bajet ini mencapai sasaran yang ditetapkan.

- 1.3 Sebagai organisasi yang berteraskan perkhidmatan, Majlis sentiasa komited dan berusaha untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada penduduk dan masyarakat Petaling Jaya kerana ianya secara langsung mencerminkan kualiti, ketelusan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Majlis secara keseluruhannya. Bagi mencapai matlamat ini perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam akan terus dipantau dan diutamakan sebagaimana yang diharapkan oleh masyarakat Petaling Jaya. Majlis komited untuk menjadikan kawasan Petaling Jaya bersih dan sihat untuk didiami. Selain itu bagi mengatasi masalah wabak denggi pula, Majlis telah mengambil langkah proaktif dengan menujuhan ‘Communication For Behavioural Impact’ –

Pasukan Mencari Dan Memusnah Aedes (COMBI SEDAR). Pasukan ini akan mencari dan memusnah jentik-jentik aedes setiap minggu. Dengan langkah ini Majlis yakin akan dapat mencapai sasaran sifar pemberian jentik-jentik aedes di persekitaran lokaliti wabak dan mengurangkan kejadian wabak denggi secara berkekalan.

- 1.4 Amalan budaya menyelenggara bagi perkhidmatan penyelenggaraan jalanraya, sistem saliran dan program penghijauan bandar akan terus ditingkatkan. Disamping itu Majlis akan juga meneruskan dan meningkatkan lagi program-program keselamatan yang melibatkan penduduk bagi mengurangkan kadar jenayah di Petaling Jaya. Langkah ini diharapkan akan dapat menjadikan Petaling Jaya sebuah bandaraya yang selamat dan sejahtera untuk didiami .
- 1.5 Selain daripada memberi keutamaan kepada menangani isu-isu semasa perkhidmatan perbandaran seperti di atas, Majlis pada tahun 2016 akan terus memberi fokus kepada memenuhi kehendak semasa pelanggan dengan menumpukan kepada pelaksanaan projek-projek pembangunan termasuk kerja menaiktaraf infrastruktur seperti menaiktaraf jalan dan saliran, tempat kemudahan awam dan perniagaan serta meningkatkan keindahan, keceriaan alam sekitar dan juga perkhidmatan kemasyarakatan. Sebagai penyedia perkhidmatan, Majlis sangat peka dengan keadaan ini supaya kualiti infrastruktur dan tempat kemudahan

awam serta persekitaran di Petaling Jaya sangat selesa dan dapat memenuhi ekspektasi masyarakat yang membayar cukai.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

## 2. TEMA BAJET 2016

- 2.1 Bajet tahun 2016 yang dibentangkan adalah bermatlamat untuk menjadikan kawasan pentadbiran Majlis dibangunkan menjadi sebuah bandaraya lestari dan berdayahuni dengan imej dan urustadbir baik serta persekitaran yang harmoni dan sejahtera. Majlis akan terus meningkatkan pembangunan prasarana seperti jalan dan saliran serta perkhidmatan perbandaran seperti perkhidmatan kebersihan di seluruh kawasan Petaling Jaya kerana ia adalah tunjang utama perkhidmatan Majlis.
- 2.2 Bajet Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada tahun 2016 adalah bertemakan '**Pembangunan Lestari**'. Pembangunan lestari bermaksud pembangunan yang dijalankan secara terancang dan berterusan serta tidak menjaskan keadaan alam sekitar, bukan sahaja untuk generasi semasa, malah untuk generasi akan datang. Ia dibentuk berasaskan konsep dan prinsip pembangunan berterusan.

Bermatlamat untuk memenuhi keperluan masa kini tanpa menjelaskan keupayaan generasi akan datang.

- 2.3 Berdasarkan tema ini, Petaling Jaya akan dibangunkan berteraskan prinsip-prinsip keselamatan dan kesempurnaan, kerancakan (*vibrant*), berdaya huni, rekabentuk sejagat (*universal design*), ‘value for money’, kemudahsampaian, penyediaan perkhidmatan mampu bayar dan efisyen selaras dengan wawasan ‘PJ Sustainable 2030’.
- 2.4 Pembangunan lestari yang dicadangkan ini akan memfokuskan kepada 6 sektor pembangunan yang meliputi:-
- i. Sektor Pengangkutan
  - ii. Sektor Infrastruktur
  - iii. Sektor Perniagaan
  - iv. Sektor Perumahan
  - v. Sektor Taman Industri (*Industrial Park*)
  - vi. Sektor Rekreasi & Kemudahan Awam
- 2.5 Cadangan Bajet 2016 yang disediakan adalah merupakan bajet ‘*defisit*’. Ini bermakna jumlah perbelanjaan yang dicadangkan adalah MELEBIHI jangkaan hasil yang akan dikutip. Walaubagaimanapun, peratus *defisit* yang dicadangkan adalah berkurangan berbanding

tahun 2015 iaitu berkurang daripada 14.07% kepada 11.19% sahaja. Penyediaan bajet defisit dicadangkan bagi memenuhi harapan rakyat dan penduduk Petaling Jaya yang begitu tinggi di samping komitmen Majlis sebagai kerajaan peringkat ketiga yang bersungguh-sungguh ingin memberikan perkhidmatan terbaik dan merealisasikan pembangunan di Petaling Jaya. Untuk mencapai hasrat itu kekurangan hasil sebanyak 11.19% tersebut akan ditampung oleh lebihan wang rizab terkumpul Majlis daripada tahun-tahun yang lalu. Majlis yakin cadangan penggunaan wang rizab ini tidak akan menjaskankan kedudukan kewangan Majlis bagi tempoh yang akan datang.

### 3. FOKUS BAJET 2016

#### 3.1 Sektor Pengangkutan

Bagi mewujudkan perancangan pengangkutan lestari, Majlis telah mengambil langkah proaktif dengan menyediakan Pelan Induk Pengangkutan Dan Lalulintas. Langkah mengatasi masalah kesesakan lalulintas melalui pendekatan pengangkutan awam telah, sedang dan akhirnya dilaksanakan secara bersepadu dengan menjelang tahun 2030 akan dilaksanakan secara bersepadu dengan perancangan gunatanah bagi mencapai kemudahsampaian dan keselesaan kepada penduduk dengan kos yang minima. Rangkaian

pengangkutan yang sistematik akan menyokong pertumbuhan ekonomi, pertumbuhan populasi dan kepelbagaian aktiviti Bandaraya Petaling Jaya.

Melalui pendekatan baru ini, Majlis akan menyediakan ruang yang mencukupi dan selesa bagi menambah laluan untuk ruang pejalan kaki dan 'cycle lane' (*non vehicular traffic*) berbanding pendekatan sebelum ini yang menggunakan kaedah meningkatkan laluan untuk kenderaan bermotor (*vehicular traffic*) sebagai penyelesaian kepada masalah kesesakan lalulintas.

Majlis akan melaksanakan cadangan penyediaan pelan konsep laluan pejalan kaki dan laluan basikal bagi menaiktaraf laluan pejalan kaki dan bebendul jalan untuk menggalakkan pergerakan menggunakan basikal dan berjalan kaki ke kawasan-kawasan tumpuan utama seperti stesen transit dan pusat bandar.

Sehubungan dengan itu, perbelanjaan seperti berikut telah disediakan pada tahun 2016:-

Bil.	Butiran	2016 (RM)
1	Perancangan Pengangkutan (29832)	145,000

Bil.	Butiran	2016 (RM)
2	Menaiktaraf Laluan Pejalan Kaki dan Bebendul Jalan (92163)	2,040,000
3	Melaksanakan Syor Kajian Pengangkutan di Petaling Jaya (92116)	500,000
	Jumlah	2,685,000

Sebanyak RM1 juta pula telah diperuntukkan bagi menyediakan kajian Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) di Petaling Jaya.

Selain itu, bagi menyediakan perancangan pengangkutan yang cekap dan mampu bayar, Majlis telah melaksanakan sistem bas percuma kepada penduduk sebagai tambahan kepada perkhidmatan bas komuniti yang telah disediakan sebelum ini. Seramai 9,000 orang sehari telah menggunakan perkhidmatan bas percuma ini.

Mulai bulan Januari 2016, Majlis akan menambah lagi laluan bas percuma sediada *PJ City Bus* untuk Laluan 2 iaitu dari Stesen LRT Taman Jaya ke kawasan SS 2, Petaling Jaya. Selain itu, bagi meluaskan lagi perkhidmatan bas percuma, Majlis juga akan menambah laluan baru seperti butir-butir berikut:

- i. Laluan 3 iaitu dari Stesen LRT Taman Bahagia ke SS6, Kelana Jaya

- ii. Laluan 4 dari Stesen LRT Taman Bahagia ke Kg Tunku – Sea Park.

Sebanyak RM6.59 juta telah diperuntukkan di dalam bajet tahun 2016 untuk membiayai kos penyewaan bas bagi laluan tambahan seperti di atas dan laluan sediada. Tambahan ini juga meliputi perolehan perkhidmatan bas elektrik sebagai memenuhi matlamat menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar berkarbon rendah.

Pada tahun 2016 Majlis telah memutuskan untuk mewujudkan 6 laluan baru bas transit bertujuan untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan memudahkan rangkaian pengangkutan bagi laluan jarak jauh yang menghubungkan kawasan utara, Damansara Damai hingga ke Petaling Jaya Selatan. 6 laluan bas transit yang dicadangkan adalah seperti berikut:-

- i. Laluan BT 1 – Damansara Damai ke Sg Way
- ii. Laluan BT 2 – Kota Damansara ke Ara Damansara
- iii. Laluan BT 3 – Damansara Damai ke Sg Way
- iv. Laluan BT 4 – Bandar Utama ke Kelana Jaya
- v. Laluan BT 5 – Bandar Utama ke PJS 3/2
- vi. Laluan BT 6 – SS2 ke Jalan Othman

### 3.2 Sektor Infrastruktur

Pada tahun 2016 Majlis akan menumpukan kepada pembangunan infrastruktur dan utiliti hijau seperti pengurusan sistem saliran yang mesra alam dan pada masa yang sama mengurangkan impak pembangunan dengan meminimumkan pencemaran alam sekitar serta penyediaan laluan pejalan kaki dan laluan basikal khas yang mematuhi rekabentuk sejagat dan selamat.

Program utama yang diberi perhatian adalah :

- a. Cadangan tebatan banjir dan menaiktaraf saliran bagi mengatasi masalah banjir kilat di Petaling Jaya.
- b. Pengurusan lalulintas yang lancar melalui Projek Jalan Sehala (*One Way Loop*) di sepanjang Jalan Sultan, Jalan Utara dan Jalan Timur.
- c. Membina kemudahan laluan basikal yang menyeluruh dan bersambung di PJS 2 dan Kota Damansara.
- d. Pelaksanaan projek ‘Park & Ride’ bersebelahan stesen LRT Taman Paramount, stesen LRT Taman Bahagia dan bersebelahan Tasik Taman Jaya.
- e. Menambahkan kemudahan Tempat Letak Kereta di luar kawasan pusat bandar Petaling Jaya.

Sehubungan dengan itu, peruntukan bagi pembangunan dan penyelenggaraan projek saliran, laluan pejalan kaki, laluan basikal, jalan, pengindahan dan melampukan seluruh kawasan Petaling Jaya telah disediakan seperti berikut:-

Bil.	Butiran	2016 (RM)
1	Melaksanakan Sistem Jalan Sehala di sekitar Petaling Jaya <i>92155</i>	12,000,000
2	Menaiktaraf saliran dan Kerja-Kerja Berkaitan <i>LONGKANG</i> Bagi Mengatasi Masalah Banjir di sekitar Kawasan Petaling Jaya <i>92153</i>	5,065,020
3	Menaiktaraf Lampu Jalan Kawasan Petaling Jaya <i>91139</i>	2,850,000
4	Menaikkan Taraf Kawasan Lapang <i>91114</i>	2,500,000
5	Menaiktaraf Landskap di Seksyen 52 <i>91123</i>	1,123,000
6	Landskap dan Pengindahan <i>91125</i>	1,000,000
7	Menyediakan Kemudahan Tempat Letak Kereta di sekitar kawasan Petaling Jaya <i>91174</i>	500,010
8	Pembinaan Siarkaki Berbumbung di sebahagian Jalan Utara dan sebahagian Jalan Semangat <i>91303</i>	500,000
9	Menaiktaraf Lampu Isyarat di Kawasan Petaling Jaya <i>91140</i>	370,000
Jumlah		25,908,030

### 3.3 Sektor Perniagaan

Bagi memastikan Petaling Jaya terus berada di landasan pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan berkembang maju, bandaraya Petaling Jaya perlu mempunyai ekonomi yang produktif, stabil dan mempunyai nilai tambah di dalam sektor perniagaan dan perkhidmatan. Petaling Jaya merupakan Zon Ekonomi Bandar yang menyediakan pelbagai aktiviti perkhidmatan kewangan dan insurans, pelbagai perniagaan dan perhotelan. Oleh itu, Majlis sebagai penyedia perkhidmatan perlu berperanan sebagai badan yang menyokong kepada kepesatan aktiviti ini untuk meningkatkan ekonomi bandaraya Petaling Jaya.

Seterusnya, pertumbuhan ekonomi setempat (*local economy*) yang tinggi dapat menjana pertumbuhan ekonomi lestari. Antara pembangunan dan projek-projek yang telah dirancang di bawah sektor ini adalah:

- a. Pembangunan Projek '*Livable City @ Section 52*' sebagai Kota Seni yang mensasarkan kawasan Dataran Boulevard, Pusat Bandar Seksyen 52, Persekutuan Menara MBPJ, Auditorium Dewan Sivik dan Muzium MBPJ sebagai lokasi bagi pengisian program seni dengan menghimpunkan karyawan dan seniman yang ada di negeri Selangor. Ia bertujuan untuk meningkatkan

penglibatan sektor ekonomi kreatif tempatan bagi membantu meningkatkan kualiti hidup warga bandaraya Petaling Jaya. Pembangunan Kota Seni ini juga tidak hanya terfokus ke arah pengisian program, bahkan akan merangkumi dasar pembangunan, pelaksanaan dan perancangan bandar yang akan diterapkan dengan nilai dan konsep kesenian. Untuk merealisasikan projek ini peruntukan sebanyak RM100,000 bagi Aktiviti Kota Seni dan RM600,000 bagi aktiviti "PJ International Fair" telah disediakan pada tahun 2016.

- b. Meningkatkan aktiviti kutipan hasil bukan cukai iaitu hasil Lesen dan Permit. Majlis mensasarkan kutipan hasil Lesen dan Permit dapat ditingkatkan daripada RM22.8 juta pada tahun 2015 kepada RM28.87 juta pada tahun 2016. Antara tindakan yang akan diambil bagi meningkatkan hasil ini adalah melalui kutipan hasil lesen iklan bagi aktiviti pertambahan iklan, pertukaran visual dan ukuran iklan. Selain itu, Majlis juga akan mengenakan caj bayaran perkhidmatan bagi pertukaran visual iklan. Dengan mempastikan semua pemilik premis perniagaan di seluruh Petaling Jaya mempunyai lesen yang sah secara langsung Majlis akan dapat mengawal aktiviti perniagaan yang dijalankan. Seterusnya, segala tindakan untuk membangunkan sektor ini akan dapat dirancang dengan teratur.

- c. Majlis juga akan menaiktaraf Gerai dan Pasar di sekitar Petaling Jaya. Antara pembangunan yang dicadangkan adalah membangunkan semula medan selera dan pasar pagi SS 2, menaiktaraf Pasar Jalan Othman dan menaiktaraf gerai-gerai sedia ada. Peruntukan yang telah disediakan untuk aktiviti ini pada tahun 2016 adalah sebanyak RM1.7 juta.

### 3.4 Sektor Pembangunan Perumahan

Pembangunan perumahan yang berkualiti perlu memberi penekanan kepada penerapan prinsip dan konsep bandar selamat serta aplikasi teknologi kejiranan hijau (*green neighbourhood*) sebagai salah satu inisiatif bagi mencapai perumahan lestari (*sustainable housing*). Antara langkah-langkah mewujudkan kejiranan selamat yang akan dilaksanakan oleh Majlis adalah:

- a. Pelaksanaan projek pemutihan kawasan “*Blackspot*” di kawasan perumahan bagi mewujudkan persekitaran kejiranan yang selamat, selesa dan harmoni. Projek ini yang telah dimulakan pada tahun 2013 merupakan salah satu inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi mengurangkan jenayah di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2. Kawasan *blackspot* ini merujuk kepada kawasan yang menimbulkan

perasaan tidak selamat di kalangan penduduk setempat terhadap ancaman jenayah dan keselamatan. Program pemutihan ini melibatkan beberapa aktiviti dan tindakan terhadap empat sektor utama iaitu persekitaran, keselamatan, pembangunan sosial dan pembangunan ekonomi.

- b. Sektor persekitaran meliputi projek-projek menaiktaraf elemen Bandar Selamat, menambahbaik sistem pengurusan sampah, menerangkan pencahayaan di kawasan-kawasan gelap yang berpotensi jenayah, memperkasakan program pengindahan bandar, menaiktaraf akses laluan kenderaan dan memperkasakan penguatkuasaan secara bersepadu. Program-program keselamatan pula meliputi program-program rondaan dan kehadiran polis, mempertingkatkan kawalan keselamatan melalui pemasangan CCTV dan memperbanyakkan program kesedaran serta penglibatan penduduk terhadap keselamatan. Bagi tujuan ini, peruntukan bantuan kepada Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga dan Badan Pengurusan Bersama telah dinaikkan daripada RM5,000 setahun pada tahun 2015 kepada RM6,000 setahun pada tahun 2016.
  
- c. Bagi pembangunan sosial pula, ia akan merangkumi program membentras pendatang tanpa izin dan operasi membanteras

penagihan dadah secara bersepadau serta memperluaskan program kesedaran di kalangan belia dan penduduk terhadap permasalahan sosial.

- d. Projek Kebun Komuniti di sebahagian Rizab Keretapi Jalan Railway Seksyen 1 dan Rizab Sungai Klang, PJS 3 & 4 pula adalah berkonseptan ‘*kitchen garden*’ atau ‘*edible landscape*’ di mana masyarakat akan diperkenalkan dengan tanaman makanan yang bersesuaian untuk keperluan penduduk setempat. Ia akan menggalakkan pengeluaran makanan tempatan yang dapat menjamin kesegaran makanan, menghasilkan pelbagai jenis tanaman, menyokong pembangunan ekonomi tempatan dan menggalakkan pertanian berasaskan komuniti di kalangan penduduk setempat selain dapat menjalinkan hubungan rapat sesama ahli keluarga dan peserta yang terlibat.

Seterusnya, bagi mewujudkan Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya yang mampan, berdaya huni dan lestari, Majlis akan mempastikan tindakan ke atas penambahbaikan sistem kawalan, pemantauan dan penguatkuasaan terhadap projek-projek pembangunan demi memastikan konsep Bandar Bebas Halangan di Petaling Jaya tercapai. Majlis komited untuk mewujudkan suasana masyarakat yang selamat dan sejahtera, bersatu padu, berbudaya

penyayang, saling berinteraksi dan peka terhadap keperluan golongan tua, kanak-kanak dan orang kurang upaya (OKU). Oleh itu, Majlis akan mempastikan semua bangunan kemudahan yang akan dibina adalah mesra pengguna, mesra OKU dan selamat kepada semua golongan.

### 3.5 Sektor Pembangunan Taman Industri (*Industrial Park*)

Bagi menyokong pembangunan industri di Petaling Jaya, Majlis akan menyediakan kemudahan infrastruktur, perparitan dan kemudahan awam seperti dewan, kawasan lapang dan sebagainya kepada pemilik kilang, peniaga dan pengedar yang ada di tapak industri berkenaan. Pembangunan industri berteraskan konsep pembangunan lestari akan terus menjadi halatuju pembangunan perindustrian di Petaling Jaya. Majlis akan memberi galakan kepada konsep taman industri (*industrial park*) seperti menyokong aktiviti pusat pameran, gudang (*warehouse*) dan pusat pengedar barang seperti barang kecantikan, kesihatan dan jualan kenderaan yang masih aktif di Petaling Jaya. Majlis akan menyediakan kemudahan infrastruktur yang lebih baik di taman-taman perindustrian seperti Taman Sains Selangor, Kota Damansara, kawasan perindustrian Sungai Buloh dan kawasan perindustrian Maju Jaya PJS 1. Selain itu, Majlis akan memberi penekanan terhadap penyusunan semula kawasan-kawasan perindustrian lama seperti di Seksyen 51, 51A dan 19 melalui projek pembaharuan semula bandar (*urban regeneration*). Garispanduan rekabentuk Bandar Seksyen 13

yang sedang disediakan akan menjadi model bagi kawasan pembaharuan semula bandar yang lain.

### 3.6 Sektor Pembangunan Kemudahan Masyarakat & Rekreasi

Pembangunan kemudahan masyarakat dan rekreasi yang lestari bertujuan untuk menyediakan kemudahan yang lebih berkualiti bagi meningkatkan kualiti hidup dan kemakmuran masyarakat. Pada tahun 2016 Majlis telah memperuntukan RM11.08 juta bagi membiayai kos menaiktaraf kemudahan masyarakat dan rekreasi di Petaling Jaya seperti projek-projek berikut:-

Bil.	Butiran	2016 (RM)
1	Menaiktaraf Kawasan Lapang Riang	2,500,000
2	Cadangan Menaiktaraf Dewan Dewan di Sekitar Petaling Jaya.	1,400,010
3	Taman Rekreasi Kelana Jaya	1,305,000
4	Pembangunan Taman Permainan Kanak-Kanak/ Taman Kejiran	1,220,000
5	Menaiktaraf Landskap di Seksyen 52	1,123,000
6	Membaikpulih dan Menaiktaraf Taman Rimba Riang	783,000
7	Menaiktaraf Kompleks Sukan di sekitar Petaling Jaya	500,000
8	Program Pembangunan Koridor Hijau	500,000

Bil.	Butiran	2016 (RM)
9	Pembinaan Siarkaki Berbumbung Di Sebahagian Jalan Utara Dan Sebahagian Jalan Semangat <i>91303</i>	500,000
10	Menyediakan Papan Tanda DRS (Sekolah) di Kawasan SS dan Seksyen di Petaling Jaya <i>91304</i>	450,000
11	Menaiktaraf Padang-Padang Sukan <i>91153</i>	400,000
12	Memasang Papan Tanda Tunjuk Arah Jenis Gantri di Sekitar Kawasan Petaling Jaya <i>91302</i>	400,000
<b>Jumlah</b>		<b>11,081,010</b>

Selain itu, Bajet 2016 akan terus memfokuskan ke arah mewujudkan PJ Bersih di mana perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam khususnya pembersihan saliran dan pemotongan rumput diberi keutamaan sebagaimana yang diharapkan oleh masyarakat Petaling Jaya. Sehubungan itu, pelaksanaan kerja oleh kontraktor yang telah dilantik akan dipantau dengan teliti dan mematuhi spesifikasi.

Strategi pengurusan sisa pepejal Majlis ke arah mencapai PJ Lestari 2030 akan diterjemahkan melalui program 3R iaitu melalui perlaksanaan strategi mengurangkan penggunaan sumber, mengurangkan penjanaan sisa, mengurangkan sisa di tempat penjanaan dan pengutipan sisa yang efektif. Program ini akan

dipromosikan oleh Majlis bagi memberi pendidikan kepada penduduk untuk dilaksanakan. Bagi merealisasikan PJ Bersih, pelan tindakan mengambil sampah pukal/kebun, pembersihan saliran, pemotongan rumput, menurunkan iklan haram, menguruskan sisa binaan, mengeluarkan kompaun kepada pesalah, menyita kenderaan, mengadakan aktiviti gotong royong telah diaturkan oleh Majlis pada tahun 2016 melalui kempen-kempen dan program-program yang akan dilaksanakan.

Matlamat Majlis untuk menjadikan bandaraya Petaling Jaya Ke Arah Bandaraya Berkarbon Rendah juga akan diutamakan. Bandaraya Petaling Jaya telah dianugerahkan “*Earth Hour Capital City 2015*” yang pertama di Malaysia oleh WWF Sedunia dan juga penganugerahan “*Provisional Certificate for Low Carbon Cities Framework (LCCF)*” oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dan GreenTech. Pengiktirafan ini merupakan satu perakuan dan motivasi besar kepada Majlis bagi memajukan Petaling Jaya sebagai Bandaraya Berkarbon Rendah. Sehubungan itu, bagi meneruskan dan meningkatkan inisiatif tersebut, Majlis akan meneruskan pelaksanaan Skim Rebat Cukai Taksiran kepada pemilik mesra alam, menawarkan pas bulanan meletak kereta percuma selama 1 tahun bagi pembeli kereta hybrid dan elektrik dari kedai jualan kendaraan di sekitar Petaling Jaya, program pemasangan lampu LED di lorong belakang dan program kitar

semula 3R serta perangkaan Pelan Pengurusan Karbon Majlis dan Petaling Jaya. Majlis turut memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta bagi program penghijauan bangunan ibu pejabat MBPJ, memperuntukkan RM108,000 bagi skim sewaan motosikal elektrik untuk kegunaan rondaan kakitangan penguatkuasa, RM850,000 bagi projek pengkomposan sisa pepejal, RM100,000 untuk program kitar semula dan RM500,000 bagi Program Koridor Hijau.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

#### 4. STRATEGI BAJET 2016

Bajet Majlis tahun 2016 dirangka berlandaskan kepada strategi berikut :-

##### 4.1 Hasil Cukai Taksiran adalah berdasarkan kepada:-

- i. Jumlah pegangan harta yang aktif bagi tahun 2015
- ii. Tambahan pegangan harta baru pada tahun 2016
- iii. Pengubahsuaian hartanah berdasarkan keluasan dan kegunaan ruang lantai

**Nilaiann tahunan dan kadar cukai taksiran adalah tidak berubah.**

##### 4.2 Hasil Bukan Cukai adalah berdasarkan kepada punca hasil sedia ada.

Majlis dijangka akan dapat meningkatkan hasil lesen daripada kategori lesen iklan dan lesen perniagaan melalui program pemberian insentif

kepada kakitangan untuk memburu peniaga yang telah bermiaga tanpa memiliki lesen perniagaan dan telah memaparkan iklan tanpa lesen iklan. Langkah ini dijangka akan dapat meningkatkan hasil Majlis bukan sahaja bagi tahun 2016 bahkah untuk tahun-tahun yang akan datang. Walaupun begitu sukacita saya memaklumkan bahawa **fee dan caj yang dikenakan adalah sama seperti tahun 2015.**

- 4.3 Perbelanjaan Mengurus tidak melebihi daripada jumlah hasil yang dijangka akan dikutip bagi tahun 2016. Berdasarkan penyediaan bajet ‘*Modified Budgeting System*’ (MBS), Dasar Sedia Ada tidak melebihi batas perbelanjaan yang ditetapkan. Kelulusan Dasar Baru dan One Off adalah bergantung kepada perluasan dan pertambahan aktiviti Dasar Sediada mengikut kemampuan Majlis.
- 4.4 Manakala anggaran perbelanjaan pembangunan telah disediakan dengan mengambil kira kemampuan dan kedudukan kewangan semasa serta kemampuan jabatan teknikal melaksanakan projek baru pada tahun hadapan. Majlis tidak mahu mencadangkan bajet pembangunan yang terlalu tinggi sedangkan keupayaan melaksanakannya rendah. Justeru itu beberapa projek baru yang dicadangkan untuk dilaksanakan pada tahun hadapan hanya diberi peruntukan RM10. Jumlah peruntukan RM 10 ini bukan bermakna ia tidak akan dilaksanakan, sebaliknya ia merupakan projek dalam rancangan yang akan

dilaksanakan secara berperingkat dan akan disambung ke tahun berikutnya.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

## 5. CADANGAN BAJET 2016

5.1 Pada tahun 2016 Majlis mencadangkan bajet defisit di mana anggaran hasil dan perbelanjaan keseluruhan Majlis adalah seperti berikut:

	2015 RM	2016 RM	Tambah/ (Kurangan)	
			RM	%
Hasil	325,859,200	357,182,570	31,323,370	9.61
Belanja Mengurus	315,105,430	335,826,790	20,721,360	6.58
Belanja Pembangunan	56,616,030	61,339,110	4,723,080	8.34
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>371,721,460</b>	<b>397,165,900</b>	<b>25,444,440</b>	<b>6.85</b>
Defisit	(45,862,260)	(39,983,330)	(5,878,930)	
Peratusan	-14.07%	-11.19%		

5.2 Jumlah anggaran hasil Majlis untuk tahun 2016 adalah bertambah sebanyak RM31,323,370 atau 9.61% berbanding hasil tahun 2015, iaitu meningkat daripada RM325,859,200 kepada RM357,182,570.

- 5.3 Berkenaan perbelanjaan pula, jumlah anggaran perbelanjaan Majlis sebanyak RM397,165,900 berbanding anggaran tahun 2015 berjumlah RM371,721,460. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM25,444,440 atau 6.85%.
- 5.4 Manakala perbelanjaan pembangunan telah dianggarkan meningkat sebanyak RM 4,723,080 atau 8.34% berbanding tahun 2015. Anggaran belanja pembangunan sebanyak RM61,339,110 ini merupakan 15.44% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Majlis pada tahun 2016.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

## 6. HASIL

- 6.1 Punca-punca utama hasil Majlis adalah seperti berikut:

Butiran	2015 RM	2016 RM	Tambahan	
			RM	%
Hasil Cukai	220,000,000	240,000,000	20,000,000	9.09

Butiran	2015	2016	Tambahan	
	RM	RM	RM	%
Hasil Bukan Cukai	97,503,900	108,569,670	11,065,770	11.35
Terimaan Bukan Hasil	8,355,300	8,612,900	257,600	3.08
Jumlah	<b>325,859,200</b>	<b>357,182,570</b>	<b>31,323,370</b>	<b>9.61</b>

## 6.2 Hasil Cukai

6.2.1 Majlis menganggarkan kutipan Hasil Cukai Taksiran akan meningkat sebanyak RM20 juta atau 9.09% pada tahun 2016. Peningkatan ini berdasarkan kepada pertambahan bilangan pegangan harta baru dan keluasan serta kegunaan ruang lantai harta-harta yang diubahsuai di kawasan Petaling Jaya. Majlis masih mengekalkan nilai tahunan dan kadar cukai yang sama seperti tahun 2015.

## 6.3 Hasil Bukan Cukai

6.3.1 Hasil Bukan Cukai yang dijangka akan dikutip pada tahun 2016 sebanyak RM108,569,670. Ia merupakan peningkatan sebanyak RM11,065,770 atau 11.35% berbanding angka tahun 2015 sebanyak RM97,503,900.

6.3.2 Butir-butir hasil yang dimasukkan di dalam kategori Hasil Bukan

Cukai adalah seperti berikut:-

Butiran	2015 RM	2016 RM	Tambah/ (Kurangan)	
			RM	%
Lesen, Bayaran Pendaftaran & Permit	22,803,190	28,868,170	6,064,980	26.60
Perkhidmatan & Bayaran Perkhidmatan	28,046,680	28,103,270	56,590	0.20
Jualan Barang-Barang	1,495,500	1,509,600	14,100	0.94
Sewaan	16,030,810	14,619,400	(1,411,410)	(8.80)
Keuntungan & Perolehan Dari Pelaburan	15,327,120	21,042,720	5,715,600	37.29
Denda & Kompaun	13,500,600	14,425,510	924,910	6.85
Sumbangan Negeri & Tempatan	300,000	1,000	(299,000)	(99.67)
<b>Jumlah</b>	<b>97,503,900</b>	<b>108,569,670</b>	<b>11,065,770</b>	<b>11.35</b>

6.3.3 Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit

- i. Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit menjadi penyumbang hasil paling tinggi di dalam punca hasil bukan cukai. Pada tahun 2016, Majlis menjangka akan

mengutip sebanyak RM28,868,170 hasil lesen dengan kenaikan sebanyak RM6,064,980 berbanding tahun 2015. Peningkatan ini dijangka diperolehi daripada punca hasil lesen perniagaan dan lesen iklan baru. Majlis juga akan mengenakan caj bayaran perkhidmatan bagi pertukaran visual iklan seperti billboard, tanda langit, jejantas, jejabat dan lain-lain.

- ii. Di antara jenis-jenis lesen yang menjadi punca kepada peningkatan hasil lesen pada tahun 2016 adalah seperti berikut:-

Butiran	2015 RM	2016 RM	Tambahhan/ (Kurangan)	
			RM	%
Lesen Iklan Tetap	9,444,040	13,799,450	4,355,410	46.12
Lesen Iklan Sementara	668,910	787,030	118,120	17.66
Lesen Perubahan Status Bangunan	240,000	240,000	-	-
Lesen Perniagaan Perusahaan	5,399,140	6,240,430	841,290	15.58
Lesen-Lesen Perniagaan Industri	327,850	467,850	140,000	42.70
Lesen Penjaja, Gerai & Pasar	2,524,740	2,734,240	209,500	8.30
Lesen Hiburan	1,670,890	2,121,200	450,310	26.95
Lesen Pusat Perkhidmatan	265,200	447,100	181,900	68.59

Butiran	2015 RM	2016 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Lain-Lain Lesen/Pendaftaran dan Permit	2,262,420	2,030,870	(231,550)	(10.23)
<b>Jumlah</b>	<b>22,803,190</b>	<b>28,868,170</b>	<b>6,064,980</b>	<b>26.60</b>

#### 6.3.4 Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

- i. Di dalam punca hasil bukan cukai, punca hasil daripada perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan pula merupakan penyumbang ke dua hasil paling tinggi iaitu sebanyak RM28,103,270 pada tahun 2016 berbanding RM28,046,680 pada tahun 2015.
- ii. Berikut adalah punca-punca hasil daripada Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan :-

Butiran	2015 RM	2016 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Bayaran Proses Pelan	6,538,000	7,075,000	537,000	8.21
Bayaran Perkhidmatan	25,000	43,000	18,000	72.00
Perkhidmatan Kubur	200,000	200,000	-	-

Butiran	2015 RM	2016 RM	Tambah/ (Kurangan)	
			RM	%
Kolam Renang	430,000	430,000	-	-
Perkhidmatan Letak Kereta	15,291,900	15,292,100	200	-
Yuran	1,911,200	1,419,450	(491,750)	(25.73)
Perkhidmatan Proses Pelan Lesen / Permit	26,000	26,000	-	-
Lain-lain Bayaran dan Perkhidmatan	3,624,580	3,617,720	(6,860)	(0.19)
<b>Jumlah</b>	<b>28,046,680</b>	<b>28,103,270</b>	<b>56,590</b>	<b>0.20</b>

### 6.3.5 Keuntungan dan Perolehan daripada Pelaburan

Hasil daripada Keuntungan dan Perolehan daripada Pelaburan merupakan hasil ketiga tertinggi yang dikutip di bawah kategori Hasil Bukan Cukai. Pada tahun 2016, Majlis menganggarkan peningkatan hasil sebanyak RM5,715,600 atau 37.29% daripada hasil tahun 2015. Majlis menjangka jumlah tunai yang akan dilaburkan di dalam simpanan tetap jangka pendek akan meningkat dan kadar pulangan yang ditawarkan oleh bank seperti sekarang adalah dikekalkan.

Mulai tahun 2014, Majlis telah mengambil langkah proaktif dengan memantau keperluan dan baki tunai pada setiap hari. Majlis hanya akan mengekalkan keperluan tunai di dalam akaun

bank untuk keperluan pada hari tersebut sahaja, manakala pada hujung hari baki yang tidak digunakan akan dilaburkan di dalam simpanan jangka pendek (REPO) untuk tempoh ‘overnight’ atau seminggu. Dengan inisiatif tersebut hasil tambahan sebanyak RM 1,063,589 telah dapat dikutip pada tahun lalu.

#### 6.3.6 Sewaan

Pada tahun 2016 sebanyak RM14,619,400 dijangka akan dikutip melalui punca hasil sewaan. Hasil sewaan dijangka menurun sebanyak RM1,411,410 berbanding hasil sewa 2015 sebanyak RM16,030,810. Penurunan sebanyak RM1,411,410 adalah disebabkan oleh sewaan tapak iklan luaran yang hanya dapat dikutip bagi tapak iklan luaran yang mempunyai kelulusan Lesen Menduduki Sementara (TOL). Buat masa kini, Majlis menghadapi kesukaran untuk mendapatkan kelulusan Lesen Menduduki Sementara (TOL) tersebut.

### 6.4 Terimaan Bukan Hasil

6.4.1 Terimaan Bukan Hasil merupakan terimaan daripada kerajaan berjumlah sebanyak RM8,612,900 telah disasarkan dapat dikutip pada tahun 2016 seperti berikut:-

Butiran	2015 RM	2016 RM	Tambah	
			RM	%
Caruman Bantuan Kadar	1,583,300	1,705,600	122,300	7.72
Geran Keseimbangan	5,000,000	5,000,000	-	-
Pulangan Balik Perbelanjaan	1,772,000	1,907,300	135,300	7.64
<b>Jumlah</b>	<b>8,355,300</b>	<b>8,612,900</b>	<b>257,600</b>	<b>3.08</b>

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

## 7. PERBELANJAAN

Jumlah Perbelanjaan Majlis pada tahun 2016 adalah dipecahkan seperti berikut:-

Butiran	2015 RM	2016 RM	% Agihan	Tambah/ (Kurangan)	
				RM	%
Mengurus	315,105,430	335,826,790	84.56	20,721,360	6.58
Pembangunan	56,616,030	61,339,110	15.44	4,723,080	8.34
<b>Jumlah</b>	<b>371,721,460</b>	<b>397,165,900</b>	<b>100.0</b>	<b>25,444,440</b>	<b>6.85</b>

## 7.1 PERBELANJAAN MENGURUS

7.1.1 Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada tiga elemen utama seperti berikut:-

Butiran	2015 RM	2016 RM	Tambahhan/ (Kurangan)	
			RM	%
Dasar Sediada	264,460,940	280,107,410	15,646,470	5.92
Dasar Baru	24,766,490	49,073,470	24,306,980	98.14
'One Off'	25,878,000	6,645,910	(19,232,090)	(74.32)
Jumlah	<b>315,105,430</b>	<b>335,826,790</b>	<b>20,721,360</b>	<b>6.58</b>

- 7.1.2 Daripada jumlah tersebut ia boleh dipecahkan kepada 5 kategori Objek Sebagai seperti berikut:-

Objek Sebagai	2015 RM	2016 RM	Tambahhan/ (Kurangan)	
			RM	%
Emolumen	91,919,120	100,665,600	8,746,480	9.52
Perkhidmatan & Bekalan	189,770,750	205,230,310	15,459,560	8.15
Aset	25,145,000	6,336,550	(18,808,450)	(74.80)
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	2,139,530	2,479,180	339,650	15.87

Objek Sebagai	2015 RM	2016 RM	Tambah/ (Kurangan)	
			RM	%
Perbelanjaan Lain	6,131,030	21,115,150	14,984,120	244.40
Jumlah	<b>315,105,430</b>	<b>335,826,790</b>	<b>20,721,360</b>	<b>6.58</b>

#### 7.1.3 Dasar Sediada

Dasar Sediada merupakan peruntukan bagi membiayai program atau aktiviti yang telah dijalankan pada tahun semasa kecuali ‘One Off’. Dalam menyediakan bajet tahunan, Dasar Sediada akan diperuntukkan kepada semua jabatan tertakluk kepada formula BATAS yang ditetapkan. Setiap jabatan perlu menyediakan peruntukan tidak melebihi daripada batas perbelanjaan yang diberikan.

#### 7.1.4 Dasar Baru

Dasar Baru merupakan aktiviti baru termasuk tambahan, sambungan atau peluasan kepada Dasar Sediada. Jumlah Dasar Baru sebanyak RM49,073,470 pada tahun 2016 adalah untuk membiayai perbelanjaan perluasan atau pertambahan kepada Dasar Sediada seperti berikut:-

Objek Sebagai	2015 RM	2016 RM	Tambahkan/ (Kurangan)	
			RM	%
Emolumen	2,523,930	7,732,810	5,208,880	206.38
Perkhidmatan & Bekalan	21,709,180	24,547,640	2,838,460	13.07
Aset	-	-	-	-
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	243,380	1,000,000	756,620	310.88
Perbelanjaan Lain	290,000	15,793,020	15,503,020	5,345.87
<b>Jumlah</b>	<b>24,766,490</b>	<b>49,073,470</b>	<b>24,306,980</b>	<b>98.14</b>

Anggaran perbelanjaan sebanyak RM15,793.020 di bawah perbelanjaan lain adalah untuk membiayai perbelanjaan Cukai Barang dan Perkhidmatan ‘Goods & Service Tax’ (GST) pada tahun 2016 . Mulai 1 April 2015, Majlis telah mengutip dan menjelaskan GST kepada pihak Kastam. Cukai **output** atau cukai hasil Majlis adalah daripada hasil sewaan dan perkhidmatan letak kereta sahaja. Manakala cukai **input** atau cukai belanja yang perlu dibayar adalah meliputi semua perbelanjaan atas perkhidmatan dan bekalan yang diterima. Setakat Ogos 2015, jumlah cukai input yang telah dibayar adalah sebanyak RM970,372.67 berbanding dengan cukai output yang dikutip sebanyak RM274,208.78 sahaja. Walaupun

Majlis dibenarkan menuntut bayaran balik perbezaan GST yang dikenakan (tertakluk kepada formula yang ditetapkan) namun sehingga kini tiada atau belum ada bayaran balik yang diterima. Oleh itu bagi membiayai perbelanjaan cukai ini Majlis terpaksa menyediakan peruntukan yang mencukupi pada tahun 2016.

Butiran terperinci Dasar Baru 2016 adalah seperti di Lampiran 1.

#### 7.1.7 One Off

